

TAHUN	: 1
MASA	: 60 minit
BIDANG	: 1 Nilai Berkaitan Dengan Perkembangan Diri
PEMBELAJARAN	
NILAI	: 1.8 Kejujuran
KANDUNGAN	: • Kepentingan bercakap benar dalam pelbagai situasi
AKADEMIK	- Perbualan - Pergaulan
TAJUK	: Bercakap Benar Amalan Mulia
PENGETAHUAN	: Murid sedar amalan bercakap benar penting dalam
SEDIA ADA	kehidupan
HASIL	: Murid dapat :
PEMBELAJARAN	i. menjelaskan kepentingan bercakap benar dalam pertuturan dan pergaulan ii. menghormati orang yang bercakap benar iii. bercakap benar dalam kehidupan
PENDEKATAN	: Pembelajaran aktif
TEKNIK	: Permainan, menyusun atur, perbincangan kumpulan
SUMBER BANTU	: Duit syiling 1 sen
MENGAJAR	Lampiran 1 - Lembaran grafik Lampiran 2 - Borang senarai semak

SET INDUKSI

Permainan 'Duit Syiling 1 Sen'.

- i. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan.
- ii. Setiap murid diberi 5-6 keping duit syiling 1 sen (Setiap murid mesti menerima jumlah yang sama. Guru boleh menggantikan duit syiling dengan benda lain seperti guli dan batu kecil).
- iii. Seorang murid (murid A) akan memulakan permainan dengan cara memberitahu ahli kumpulan perkara yang dia pernah alami. Contoh : Saya pernah jatuh semasa mengayuh basikal. Murid A akan meletakkan sekeping syiling 1 sen di tengah meja. Murid-murid lain (murid B hingga F akan meletakkan duit syiling jika mereka pernah mengalami pengalaman yang sama).
- iv. Permainan diteruskan dengan murid B pula menceritakan pengalamannya. Murid-murid yang pernah mengalami pengalaman yang sama akan meletakkan duit di tengah meja.
- v. Permainan tamat apabila beberapa orang ahli telah kehabisan duit syiling.
- vi. Guru menerangkan konsep bercakap benar.

AKTIVITI

- i. Guru mengedarkan lembaran kerja kepada setiap kumpulan. (Lampiran 1)
- ii. Murid berbincang dalam kumpulan dan mewarnakan rangkai kata yang menunjukkan kebaikan bercakap benar dalam pertuturan dan pergaulan.
- iii. Wakil kumpulan mempamerkan hasil perbincangan.

PENILAIAN


Setiap murid diberikan borang senarai semak nilai kejujuran dalam pelbagai situasi (Lampiran 2). Guru membimbing murid membuat penilaian sendiri dengan melengkapkan borang senarai semak tersebut.

PENUTUP

Guru bersama-sama murid membuat rumusan tentang kebaikan bercakap benar.

Lampiran 1

Warnakan perkataan yang menunjukkan kebaikan bercakap benar dalam pertuturan dan pergaulan.



Lampiran 2

Warnakan (hijau) pada jawapan yang betul dan (merah) pada jawapan yang salah.

- i. Saya suka kepada kawan-kawan yang bercakap benar.
- ii. Orang yang bercakap benar mempunyai ramai kawan.
- iii. Saya suka bercakap bohong dengan ibu.
- iv. Saya percaya kepada orang yang jujur.
- v. Guru sayang kepada murid yang jujur.
- vi. Sikap jujur tidak baik.
- vii. Orang yang bercakap bohong tidak disukai.
- viii. Saya tidak marah apabila adik bercakap bohong.

TAHUN	: 2
MASA	: 60 minit
BIDANG	: 1 Nilai Berkaitan Dengan Perkembangan Diri
PEMBELAJARAN	
NILAI	: 1.10 Berterima Kasih
KANDUNGAN	: • Penghargaan dan pengiktirafan terhadap sokongan, pemberian dan pengorbanan yang diterima daripada ibu bapa dan anggota keluarga yang lain
AKADEMIK	
TAJUK	: Berterima Kasih Amalan Mulia
PENGETAHUAN	: Murid sedar amalan mengucapkan terima kasih penting dalam hubungan dengan orang lain
SEDIA ADA	
HASIL	: Murid dapat:
PEMBELAJARAN	<ul style="list-style-type: none"> i. mengenal pasti kepentingan dan cara mengucapkan terima kasih kepada anggota keluarga ii. menghargai sokongan, pemberian dan pengorbanan yang diterima daripada anggota keluarga iii. mengucapkan terima kasih atas sokongan, pemberian dan pengorbanan yang diterima daripada anggota keluarga
PENDEKATAN	: Pembelajaran aktif, kecerdasan pelbagai
TEKNIK	: Lakonan, sumbang saran, perbincangan kumpulan
SUMBER BANTU	: Lampiran 3 – kad ucapan terima kasih
MENGAJAR	: Lampiran 4 – contoh ucapan terima kasih

SET INDUKSI

- i. Guru meminta beberapa orang murid melakonkan cara mengucapkan terima kasih kepada anggota keluarga.
- ii. Guru dan murid lain memberikan komen tentang cara mengucapkan terima kasih dengan betul.

AKTIVITI 1

- i. Guru mengedarkan murid kad yang mengandungi kata-kata ucapan terima kasih kepada anggota keluarga. (Lampiran 3)
- ii. Berdasarkan kata-kata ucapan pada kad, murid diminta melafazkan ucapan terima kasih dengan sopan.
- iii. Guru dan murid lain memberikan komen.
- iv. Guru menjelaskan kebaikan mengucapkan terima kasih dengan sopan.

AKTIVITI 2

- i. Guru mencatatkan tajuk 'Sebab saya mesti mengucapkan terima kasih kepada anggota keluarga' untuk menjalankan aktiviti sumbang saran.
- ii. Guru meminta murid memberikan satu sebab mereka mesti mengucapkan terima kasih kepada anggota keluarga.

- iii. Guru mencatatkan semua jawapan murid.
- iv. Guru bersama-sama murid memilih jawapan yang sesuai.
- v. Murid dikehendaki mengelaskan jawapan mengikut tajuk-tajuk kecil seperti sebab mengucapkan terima kasih kepada ibu bapa, datuk dan nenek serta adik beradik.
- vi. Guru menjelaskan kepentingan mengucapkan terima kasih kepada anggota keluarga.

AKTIVITI 3

- i. Guru memberikan beberapa contoh ucapan terima kasih kepada anggota keluarga. (Lampiran 4)
- ii. Secara berpasangan, murid diminta berbincang untuk menghasilkan kata-kata ucapan terima kasih kepada anggota keluarga.
- iii. Murid membentangkan hasil perbincangan.
- iv. Guru dan murid lain memberikan komen.

PENILAIAN

Murid diminta mencipta kad ucapan terima kasih kepada anggota keluarga dengan menggunakan kata-kata ucapan yang dihasilkan sebagai kerja rumah.

Lampiran 3

Kad 1

“Terima kasih, papa.
Terima kasih, mama”

Kad 2

“Terima kasih
ayah dan ibu”

Kad 3

“Datuk, terima kasih.
Nasihat datuk tidak akan
saya lupa”

Kad 4

“Terima kasih, nenek.
Nenek pandai bercerita”

Kad 5

“Abang, terima kasih
kerana membantu saya
mencuci kasut sekolah”

Kad 6

“Kakak, terima kasih
kerana menolong saya
menyiapkan kerja sekolah”

Kad 7

“Terima kasih adik kerana
meminjamkan abang
pensel warna”

Kad 8

“Terima kasih makcik,
kerana memberikan saya
hadiah yang sungguh
cantik ini”

Lampiran 4

Contoh 1

Terima kasih ayah.
Terima kasih ibu.
Jasa ayah dan ibu tidak akan saya lupakan.

Contoh 2

Abang telah banyak membantu saya.
Saya ucapkan terima kasih.

Contoh 3

Terima kasih kakak.
Kakak selalu menemani saya.
Tanpa kakak saya akan keseorangan.

Contoh 4

Terima kasih atas nasihat datuk dan nenek.
Saya gembira bersama datuk dan nenek.

TAHUN	: 3
MASA	: 30 minit
BIDANG	: 5 Nilai Berkaitan Dengan Diri Dan Negara
PEMBELAJARAN	
NILAI	: 5.2 Patuh kepada Peraturan dan Undang-undang
KANDUNGAN	: • Patuhi undang-undang di jalan raya
AKADEMIK	
TAJUK	: Undang-Undang Jalan Raya Kita Patuhi
PENGETAHUAN	: Murid sedar kepentingan mematuhi undang-undang jalan raya
SEDIA ADA	
HASIL	: Murid dapat :
PEMBELAJARAN	i. menerangkan kepentingan mematuhi undang-undang jalan raya ii. menjelaskan maksud tanda isyarat lalu lintas iii. bertimbang rasa dan bersopan di jalan raya iv. mematuhi undang-undang jalan raya
PENDEKATAN	: Pembelajaran aktif, pembelajaran kontekstual, pembelajaran koperatif
TEKNIK	: Perbincangan berpasangan (<i>Think-pair-share</i>)
SUMBER BANTU	: Lampiran 5 – gambar daripada keratan akhbar
MENGAJAR	Lampiran 6 – tanda isyarat lalu lintas dan maksud Lampiran 7 – latihan

SET INDUKSI

- i. Guru mempamerkan gambar kenderaan yang terlibat dalam kemalangan jalan raya. (Lampiran 5)
- ii. Guru bersoal jawab dengan murid.
 - Apakah perasaan kamu melihat gambar tersebut? Jelaskan.


AKTIVITI

- i. Guru mempamerkan beberapa tanda isyarat lalu lintas. (Lampiran 6)
- ii. Guru menerangkan maksud bagi setiap tanda isyarat lalu lintas.
- iii. Murid diminta memilih satu tanda isyarat lalu lintas dan mencatatkan akibat sekiranya tanda isyarat itu tidak dipatuhi.
- iv. Murid diminta memberitahu catatannya kepada rakan pasangannya.
- v. Beberapa orang murid dipilih untuk melaporkan catatannya dan catatan rakannya kepada semua murid di kelas.
- vi. Murid menjelaskan kepentingan mematuhi tanda isyarat lalu lintas.
- vii. Guru membuat rumusan.

PENILAIAN

Murid diminta memadankan tanda isyarat lalu lintas dengan pernyataan yang diberi. (Lampiran 7)

Lampiran 5



TANDA ISYARAT LALU LINTAS

Bil	Tanda Isyarat Lalu Lintas	Maksud
1.		Kawasan kanak-kanak sekolah melintas
2.		Lampu isyarat di hadapan
3.		Kawasan sekolah di hadapan
4.		Tempat meletak kenderaan
5.		Jalan bengkok-bengkok
6.		Simpang empat

Lampiran 7

Padankan tanda isyarat lalu lintas dengan pernyataan yang betul

Bil	Tanda Isyarat Lalu Lintas	Penyataan
1.		Lintasan pejalan kaki
2.		Bulatan di hadapan
3.		Lampu isyarat di hadapan
4.		Hospital
5.		Kawasan kanak-kanak sekolah melintas
6.		Jalan bengkok-bengkok

TAHUN	: 4
MASA	: 60 minit
BIDANG	: 4 Nilai Berkaitan Dengan Diri Dan Alam Sekitar
PEMBELAJARAN	
NILAI	: 4.3 Peka terhadap Isu Alam Sekitar
KANDUNGAN	: • Prihatin terhadap masalah alam sekitar
AKADEMIK	- Pencemaran akibat tindakan manusia
TAJUK	: Alam Milik Bersama
PENGETAHUAN	: Murid pernah mendengar dan membaca maklumat
SEDIA ADA	tentang pencemaran melalui media massa
HASIL	: Murid dapat :
PEMBELAJARAN	i. menyenaraikan kesan pencemaran terhadap hidupan
	ii. prihatin terhadap isu pencemaran
	iii. mengelakkan diri dari mencemar dan memusnahkan alam sekitar
PENDEKATAN	: Pembelajaran aktif, TOC, kecerdasan pelbagai
TEKNIK	: Lakonan, perbincangan kumpulan
SUMBER BANTU	: Kertas sebak (mahjong)
MENGAJAR	Lampiran 8 – gambar alam sekitar yang tercemar
	Lampiran 9 – skrip lakonan
	Lampiran 10a – sebab dan akibat
	Lampiran 10b – contoh jawapan
	Lampiran 11 – ikrar penghuni bumi
	Lampiran 12 – contoh kad bentuk hati

SET INDUKSI

- i. Guru menunjukkan gambar beberapa orang kanak-kanak sedang bermain dengan berlatarbelakangkan persekitaran yang tercemar (Lampiran 8).
- ii. Guru bersoal jawab dengan murid
 - Apakah yang kamu nampak dalam gambar tersebut? Ceritakan.

AKTIVITI 1

- i. Beberapa orang murid dipilih untuk melakonkan watak yang berikut.
 - a. Ikan A, Ikan B, Ikan C, Ikan D
 - b. Pokok A, Pokok B
 - c. Kulit kacang
 - d. Kotak minuman
 - e. Dua orang murid
 - f. Beg plastik
- ii. Setiap kumpulan diberikan kad situasi (Lampiran 9) dan diberi masa untuk membuat persediaan.
- iii. Murid membuat persembahan.

- iv. Guru bersoal jawab dengan murid.
 - a. Jelaskan pelakuan David dan Ben ketika berkelah di tepi sungai.
 - b. Apakah yang berlaku kepada ikan dan pokok di situ?
 - c. Ceritakan perasaan kamu melihat keadaan itu.
 - d. Andaikan kamu ialah ikan dan pokok tersebut, nyatakan perasaan kamu.
- v. Guru dan murid membuat rumusan tentang tindakan manusia yang mengakibatkan pencemaran alam sekitar.

AKTIVITI 2


- i. Murid dikehendaki membincangkan akibat pencemaran yang dilakukan oleh manusia. (Lampiran 10a). Contoh jawapan disediakan. (Lampiran 10b)
- ii. Hasil perbincangan dicatatkan dalam kertas sebak (mahjung).
- iii. Wakil kumpulan membentangkan hasil dapatan.
- iv. Guru bersama-sama murid membuat rumusan.

AKTIVITI 3

- i. Murid diberikan 'Ikrar Penghuni Bumi'. (Lampiran 11)
- ii. Seorang murid dipanggil untuk mengetuai pembacaan ikrar tersebut.
- iii. Setiap murid dikehendaki menurunkan tanda tangan pada ikrar tersebut.

PENILAIAN

Setiap murid dikehendaki menghasilkan sekeping kad berbentuk hati dan menulis ayat yang menunjukkan perasaan sayang terhadap alam sekitar. Contoh ayat ialah 'Saya sayang akan alam sekitar', 'Saya sayang kepada bumi'. (Lampiran 12)



Situasi di tepi sungai

David dan Ben pergi berkelah di tepi sungai. Mereka membawa dua kotak minuman dan kacang yang diisi dalam beg plastik.

David : Indahnya pemandangan di sini.

Ben : Udara di sini nyaman.

(David dan Ben mencari tempat duduk. Mereka berbual-bual sambil makan dan minum. David membuang kulit kacang dan Ben mencampakkan kotak minuman dan beg plastik ke dalam sungai. Murid yang berlakon sebagai kulit kacang, beg plastik dan kotak minuman terjun ke dalam sungai).

Situasi dalam sungai

Ikan A : Tolong, tolong, susahnya bernafas!

Ikan B : Aduh, sakitnya perut!

Ikan C : Teruknya manusia. Mereka buang kulit kacang, kotak minuman dan beg plastik ke dalam sungai ini.

Ikan D : Hai manusia, sampai hati kau buat kami begini!

Situasi semasa dalam perjalanan pulang

(David dan Ben balik ke rumah. Dalam perjalanan pulang, mereka menconteng dan membuat ukiran nama pada pokok)


Pokok A : Aduh, sakitnya badanku ditoreh dengan pisau!

Pokok B : Aduh, banyaknya darahku keluar!


(David dan Ben pun berlalu dari situ)

Lampiran 10a

Contoh teknik TOC (sebab dan akibat)



Contoh jawapan - Contoh teknik TOC (sebab dan akibat)



'Ikrar Penghuni Bumi'

Kami warga bumi, berikrar dengan sepenuh hati akan sentiasa menjaga dan melindungi alam semula jadi supaya kami dapat hidup dalam persekitaran yang bersih dan selamat.

_____)

Tarikh : _____

Contoh Kad.



TAHUN	: 5
MASA	: 60 minit
BIDANG	: 3 Nilai Berkaitan Dengan Diri Dan Masyarakat
PEMBELAJARAN	
NILAI	: 3.2 Toleransi dalam Masyarakat
KANDUNGAN	: • Amalan bertoleransi semasa situasi tegang
AKADEMIK	- Perbincangan
TAJUK	: Bertoleransi Dalam Perbincangan
PENGETAHUAN	: Murid menyedari kepentingan bersikap toleransi
SEDIA ADA	
HASIL	: Murid dapat :
PEMBELAJARAN	i. menyenaraikan kesan bersikap toleransi semasa perbincangan ii. bersikap toleransi semasa perbincangan iii. berbincang dalam keadaan tenang
PENDEKATAN	: Pembelajaran aktif, pembelajaran koperatif, KBKK
TEKNIK	: Simulasi, perbincangan kumpulan
SUMBER BANTU	: Lampiran 13 – serangkap pantun
MENGAJAR	Lampiran 14 – borang analisis masalah Lampiran 15 – kad dialog

SET INDUKSI

- i. Guru mempamerkan serangkap pantun (Lampiran 13) dan meminta seorang murid membaca pantun dengan intonasi yang betul.
- ii. Guru bersoal jawab dengan murid.
 - Apakah yang kamu faham dengan maksud pantun?
 - Nyatakan kesan bersikap toleransi?

AKTIVITI 1

- i. Guru memilih 4 pasangan murid.
- ii. Guru mengedarkan kad dialog (Lampiran 14).
- iii. Murid dikehendaki membaca dan memahami dialog yang diberikan.
- i. Berdasarkan dialog tersebut, guru meminta 4 pasangan murid untuk menjalankan empat aktiviti simulasi yang berikut.
 - Pasangan 1 menjalankan aktiviti simulasi dalam keadaan tegang dan tidak bertoleransi.
 - Pasangan 2 menjalankan aktiviti simulasi dalam keadaan tenang dan bertoleransi.
 - Pasangan 3 menjalankan aktiviti simulasi dengan watak Ajay dalam keadaan marah tetapi watak Daniel dalam keadaan tenang.
 - Pasangan 4 menjalankan aktiviti simulasi watak Ajay dalam keadaan tenang tetapi watak Daniel dalam keadaan marah.

AKTIVITI 2

- ii. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan.
- iii. Guru mengedarkan borang analisis masalah (Lampiran 15) kepada setiap kumpulan.
- iv. Murid dikehendaki memberikan perhatian kepada setiap aktiviti simulasi dan membuat catatan dalam borang.

AKTIVITI 3

- i. Setiap kumpulan berbincang dan melengkapkan borang analisis masalah.
- ii. Wakil setiap kumpulan melaporkan hasil perbincangan di kelas.
- iii. Berdasarkan laporan, guru dan murid membuat rumusan.

PENILAIAN

Murid dikehendaki menyenaraikan sikap yang perlu ditunjukkan semasa sesuatu perbincangan diadakan.

Lampiran 13			
<p>Dahan kuinin dipanjat dedalu Patah dahan menimpa jambatan Sikap toleransi amalkan selalu Elak perselisihan eratkan persahabatan</p>			
Lampiran 15			
Borang Analisis Masalah			
Keadaan Semasa Aktiviti Simulasi			
Pasangan 1	Pasangan 2	Pasangan 3	Pasangan 4
Cadangan Penyelesaian Masalah			
Pasangan 1	Pasangan 2	Pasangan 3	Pasangan 4
Sikap yang perlu ditunjukkan semasa perbincangan			

Kad Dialog

- Ajay : Daniel, tugas mencuci longkang agak berat. Teruklah saya.
- Daniel : Saya telah mengagihkan tugas kepada semua ahli. Semua ahli perlu menjalankan tugas masing-masing.
- Ajay : Tetapi longkang yang perlu saya cuci itu kotor dan panjang. Saya seorang tidak mampu melakukan tugas ini.
- Daniel : Awak buat dahulu kerja mencuci longkang. Saya akan minta ahli lain membantu awak selepas mereka menyiapkan tugas mereka.
- Ajay : Kalau begitu saya setuju.

TAHUN	: 6
MASA	: 60 minit
BIDANG	: 2 Nilai Berkaitan Dengan Diri Dan Keluarga
PEMBELAJARAN	
NILAI	: 2.3 Tanggungjawab terhadap Keluarga
KANDUNGAN	: • Kehidupan keluarga yang berkualiti
AKADEMIK	- Perpaduan
TAJUK	: Kemesraan Keluarga Mengukuhkan Perpaduan
PENGETAHUAN	: Murid menyedari kepentingan hubungan kekeluargaan.
SEDIA ADA	
HASIL	: Murid dapat :
PEMBELAJARAN	i. menerangkan kepentingan perpaduan dalam keluarga ii. bertanggungjawab mewujudkan perpaduan dalam keluarga iii. mengamalkan perpaduan dalam keluarga
PENDEKATAN	: Pembelajaran koperatif, kecerdasan pelbagai
TEKNIK	: Perbincangan kumpulan
SUMBER BANTU	: Lampiran 16 – Kad ucapan
MENGAJAR	Lampiran 17 – Kad tugas Lampiran 18 – Skala garisan sikap murid Lampiran 19 – Latihan

SET INDUKSI

- i. Guru mempamerkan kad ucapan hari lahir/ucapan tahniah kepada anggota keluarga. (Lampiran 16)
- ii. Guru bersoal jawab dengan murid.
 - Pernahkah kamu memberi kad ucapan kepada anggota keluarga?
 - Apakah perasaan kamu dapat memberi kad ucapan tersebut?
 - Pernahkah kamu menerima kad ucapan daripada anggota keluarga?
 - Apakah perasaan kamu apabila menerima kad ucapan daripada anggota keluarga?

AKTIVITI 1

- i. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan.
- ii. Guru mengedarkan kad tugas 1 dan 2 (Lampiran 17) kepada setiap kumpulan.
- iii. Setiap kumpulan dikehendaki berbincang dan melaporkan hasil perbincangan di dalam kelas.

AKTIVITI 2

Cadangan :

- i. Guru mempamerkan skala garisan sikap murid dalam membantu mengukuhkan perpaduan keluarga. (Lampiran 18)
- ii. Guru menjelaskan cara menggunakan garisan tersebut iaitu:
 - poin 5 dan ke bawah bermaksud murid menunjukkan sikap semakin kurang berusaha ke arah mengukuhkan perpaduan keluarga.
 - poin 6 dan ke atas bermaksud murid menunjukkan sikap semakin berusaha ke arah mengukuhkan perpaduan keluarga.
- iii. Berdasarkan garisan, semua murid diminta mencatatkan kedudukan mereka dan memberikan alasan mereka mencatatkan kedudukan tersebut.
- iv. Guru **menjumlahkan semua poin** murid. **Jumlah** tersebut **dibahagikan** dengan **bilangan murid** untuk mendapatkan purata.
- v. Guru membuat rumusan tentang pentingnya murid berusaha untuk mengukuhkan perpaduan dalam keluarga.

PENILAIAN

Murid dikehendaki menyenaraikan usaha yang dilakukan oleh mereka untuk mengukuhkan perpaduan keluarga. (Lampiran 19)



Kad 1

Kamu dan anggota keluarga membuat persediaan untuk menyambut ulang tahun kelahiran bapa kamu di rumah. Semua anggota keluarga telah diberi tugas seperti yang berikut.

- | | | |
|--------------|---|------------------------------|
| Ibu | – | menyediakan jamuan |
| Abang sulung | – | membuat persiapan tempat |
| Kakak | – | menyediakan hadiah |
| Anda | – | menyediakan kad ucapan |
| Adik | – | menyediakan atur cara majlis |

Berdasarkan tugas, bincangkan langkah yang perlu anda dan anggota keluarga lakukan untuk persiapan majlis tersebut.

Kad 2

Sempena musim perayaan, keluarga anda bercadang mengadakan jamuan untuk saudara mara. Bagi memastikan majlis tersebut lancar dan meriah, setiap anggota keluarga anda telah diberikan tugas seperti senarai yang berikut.

- | | | |
|----------------|---|--------------------------|
| Ayah | – | menguruskan jemputan |
| Ibu dan kakak | – | menyediakan jamuan |
| Abang dan anda | – | membuat persiapan tempat |
| Adik | – | memastikan kebersihan |

Berdasarkan tugas, bincangkan langkah yang perlu anda dan anggota keluarga lakukan untuk persiapan jamuan tersebut.

Lampiran 18a

Skala Garisan Sikap Murid Dalam Membantu Mengukuhkan Perpaduan Keluarga



Lampiran 18b

Guru menyediakan borang aktiviti membantu mengukuhkan perpaduan keluarga.

Contoh:

Bil.	Aktiviti	Ya	Tidak
1.	Menolong ibu di dapur.	✓	
2.	Menolong ayah membasuh kereta.		✓
3.			
4.			
5.			
6.			
7.			
8.			
9.			
10.			
Jumlah Skor		10	

Lampiran 19

Nyatakan tindakan yang diambil untuk mengukuhkan perpaduan keluarga.

Bil.	Penyataan	Tindakan yang diambil untuk mengukuhkan perpaduan keluarga
i.	Hari lahir ibu	Mengucapkan selamat hari lahir kepada ibu
ii.	Hari Bapa	
iii.	Ulang tahun perkahwinan datuk dan nenek	
iv.	Perkahwinan ibu saudara	
v.	Bapa saudara dirawat di hospital	
vi.	Abang berjaya dalam acara sukan yang disertainya	
vii.	Kakak lulus dalam peperiksaan	
viii.	Adik mendapat sijil tamat prasekolah	